

# MCA timbang 5 calon untuk kerusi Seremban

MCA sedang menimbang lima calon untuk bertanding dalam pilihanraya kecil Parlimen Seremban bagi mengisi kerusi yang dikosongkan oleh bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon.

Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan berkata, Majlis Presiden MCA akan bersidang minggu depan untuk membincangkan strategi dan calon paling layak bertanding di kawasan itu.

Antara yang disebut-sebut untuk bertanding merebut kerusi Parlimen itu ialah Presiden Gabungan Bella Bersatu (GBB), Encik Tee Ann Chuan dan seorang doktor.

Datuk Dr Neo berkata, pucuk pimpinan MCA terpaksa meneliti semua aspek sebelum memilih calon yang layak, sama ada dari golongan muda ataupun veteran.

"MCA tidak kira siapa yang bertanding, tetapi apa yang jelas MCA akan memastikan kerusi itu terus kekal di tangan parti," tegas beliau.

Beliau yang mengesahkan perletakan jawatan Datuk Lee yang juga bekas Menteri Pengangkutan, bagaimanapun enggan memberitahu bila surat rasmi mengenai perkara itu akan diserahkan kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat.

"Terserahlah kepada Datuk Lee bilakah beliau mahu menyerahkan surat perletakan jawatannya kepada Yang Dipertua Dewan

## KUALA LUMPUR, Ahad

Rakyat," ujarnya.

Datuk Dr Neo menjelaskan, perkara perletakan jawatan Datuk Lee selaku Ahli Parlimen Seremban telah diberitahu kepada Datuk Seri Dr Maithir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional.

Katanya, ini adalah perlu bagi menjamin kemenangan besar parti itu dalam pilihanraya kecil Parlimen Seremban.

Bagaimanapun, pengumuman perletakan jawatan Datuk Lee tidak memranjatkan kerana ia sepatutnya berbuat demikian sejak bulan Mac lalu bila beliau mengumumkan perletakan jawatan sebagai Menteri Kabinet dan juga Presiden MCA.

Serentak dengan itu, beliau difahamkan telah menyerahkan surat tanpa tarikh kepada Datuk Dr Neo untuk disampaikan kepada Speaker Dewan Rakyat, selawat-lewatnya sebelum beliau pulang dari menghadiri kursus di Hawaii.

Tetapi setelah Datuk Lee pulang minggu lalu, beliau dikatakan hampa kerana surat itu masih tidak dihantar dan akan mengemukakan sendiri perletakan jawatannya.

Datuk Dr Neo ketika ditanya mengenai surat perletakan jawatan itu, enggan memberi komentarnya sambil berkata: "Tidak mahu komen. Tanyalah Datuk Lee bila beliau mahu meletak jawatan."

Datuk Lee San Choon, yang juga Pengerusi Kehormat Koperatif Serbaguna Malaysia (KSM), ketika ditanya perkara itu berkata: "Terserahlah kepada Datuk Seri Dr Maithir dan MCA menentukannya."

Pemerhati politik MCA berpendapat, teka-teki siapa yang sebenarnya tidak mahu meletakkan jawatan tidak diketahui kerana Datuk Dr Neo berkata, perkara itu terserah kepada Datuk Lee manakala Datuk Lee pula kata terserah kepada MCA.

Katanya, kemungkinan besar Datuk Dr Neo menahan perletakan jawatan itu kerana beliau bimbang sejarah hitam di Raub akan berulang lagi di Seremban.

Ini kerana sebarang kekalahan dalam pilihanraya kecil bermakna akan merosakkan imej Datuk Dr Neo selaku pemimpin baru MCA dan beliau mungkin akan ditentang oleh musuh politik dalam parti dalam pemilihan parti tahun depan.

Dalam pilihanraya umum April lalu, Datuk Lee yang memberanikan diri menyerahkan kerusi selamatnya di Segamat, bertanding kawasan kubu kuat DAP di Seremban. Beliau berjaya mengalahkan Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin dengan majoriti 800 undi.

Kejayaan itu dikatakan tidak mungkin berulang lagi kepada MCA kerana sejak kemenanganya tiada perubahan besar dibuat.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee

Kim Sai ketika dihubungi berkata, pihaknya akan memastikan kemenangan calon MCA dalam pilihanraya kecil itu nanti.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung DAP, Encik Lee Lam Thye berkata, perletakan jawatan Datuk Lee selaku Ahli Parlimen Seremban memang telah dijangka sejak tiga bulan lalu.

Katanya, inilah antara sebab mengapa DAP tidak bertanding merebut kerusi Parlimen Tampin kerana mahu menumpukan perhatian di Seremban.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia